



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

14 Jan 2021 (Khamis)

Berita Harian

JAIS sahkan siasat aduan perlakuan Nur Sajat	1
Pendakwaan gagal lucut hak wang hartanah lebih RM37j	2

Harian Metro

Jais sahkan siasat sajat	3
Merayau nak tengok sekatan jalan PDRM	4
Penghadang batu besar elak rentas daerah	5
Mawar tapak projek	6

Kosmo

Johor tangguh, Selangor nikah online	7
--------------------------------------	---

Sinar Harian

Kluster menteri, pemimpin masuk carta	8
JAIS sahkan siasat sajat	9
Akad nikah di selangor guna kaedah sidang video	10
MSU terus jalin kerjasama dengan JPS	11

Selangor TV

EXCO Seru Sambut Ponggal Bersama Keluarga Sahaja	12
Selangor Tangguh Pelaksanaan Solat Jemaah Di Masjid dan Surau	13
Semua Perkhidmatan MPAJ Tutup Sementara	14
Solat Jumaat, Fardu Ditangguhkan	15
Urusan Nikah, Cerai & Rujuk, JAIS Buka 10 Kaunter Talian	16

The Star

COUNCIL MATTERS	17
Driven to take Covid-19 test	18

New Straits Times

Passion for construction drives woman in male-dominated sector	19
--	----

The Sun

Prayers at mosques, surau suspended	20
JAIS PROBES COSMETICS ENTREPRENEUR	21

The Edge CEO Morning Brief

Apex court dismisses Govt's appeal to forfeit RM37m from Tiong, eight others over PKFZ project	22
--	----

Nanyang Siang Pau

Recycling factory pleaded guilty for failing to control dust pollution and fined RM25,000	23
Seeking to confiscate PKFZ assets, prosecution failed in the court appeal	24
The reason is outrageous: Do not know the implementation of MCO and walking around just to see the police on duty	25

Oriental Daily

Female internet celebrity complained that she was treated roughly by religious officials	26
--	----



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com




CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 14 January 2021

Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	JAIS sahkan siasat aduan perlakuan Nur Sajat
Muka Surat	:	22



Nur Sajat

JAIS sahkan siasat aduan perlakuan Nur Sajat

Shah Alam: Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) mengesahkan usahawan kosmetik, Muhammad Sajjad Kamaruzzaman, 36, atau lebih dikenali sebagai Nur Sajat disiasat mengikut Seksyen 10, Enakmen Jenayah Syariah Negeri Selangor.

JAIS dalam kenyataan memaklumkan, siasatan ke atas Nur Sajat dibuat susulan terdapat beberapa aduan yang diterima mengenai perlakuannya pada 2018 dan 2020.

Menurut jabatan itu, pihaknya juga mengambil maklum berhubung video yang ditularkan usahawan berkenaan berkaitan insiden membabitkan dirinya dan beberapa orang penguat kuasa JAIS, baru-baru ini.

"Dia sudah membuat laporan polis berkaitan insiden berkenaan dan pegawai penguat kuasa berkenaan juga dipanggil untuk memberikan keterangan," katanya.

Terdahulu, sebuah portal melaporkan mengenai pendedahan Nur Sajat berkaitan layanan tidak wajar penguat kuasa JAIS terhadapnya dan dia turut ditahan di Pusat Tahanan Sementara, di Kuala Kubu Bharu pada 6 Januari lalu.

Nur Sajat juga meluahkan rasa kesal dengan tindakan penguat kuasa berkenaan walaupun dia sudah tampil memberikan kerjasama untuk siasatan pihak JAIS.

Beliau juga mendakwa, JAIS seolah-olah melengahkan urusan surat jaminan dan turut menyebabkan kecederaan serta digari sehingga mengalami bengkak di bahagian badan kerana bergelut untuk mempertahankan diri.



Siasatan ke atas Nur

Sajat dibuat susulan terdapat beberapa aduan yang diterima mengenai perlakuannya pada 2018 dan 2020.

Kenyataan JAIS



KERATAN AKHBAR
14 January 2021

Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Pendakwaan gagal lucut hak wang hartanah lebih RM37j
Muka Surat	:	22

Projek Zon Bebas Pelabuhan Klang

Pendakwaan gagal lucut hak wang, hartanah lebih RM37j

Mahkamah Persekutuan tolak rayuan, tiada bukti dokumen harta hasil kegiatan haram

Putrajaya: Pendakwaan gagal dalam rayuannya di Mahkamah Persekutuan untuk melucut hak wang dan hartanah bernilai lebih RM37 juta daripada Ahli Parlimen Bintulu, Datuk Seri Tiong King Sing dan lapan yang lain berkaitan projek Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ).

Panel tiga hakim terdiri Hakim Mahkamah Persekutuan, Datuk Vernon Ong Lam Kiat, Datuk Zabariah Mohd Yusof dan Datuk Seri Hasnah Mohammed Hashim, menolak rayuan pendakwaan itu.

Keputusan mahkamah disampaikan oleh Hasnah yang menga-

takan selepas membaca afidavit secara keseluruhan, Mahkamah Persekutuan bersetuju dengan Mahkamah Rayuan bahawa pihak pendakwaan gagal mengenal pasti tahap penyertaan responden dalam aktiviti perubahan wang haram untuk mendapatkan harta tanah itu.

Beliau berkata, bukti yang dikemukakan melalui afidavit hanya mengandungi bukti dengar cakap dan tiada bukti dokumen harta itu diperolehi melalui kegiatan haram.

"Kami berpuas hati rayuan ini tidak ada merit," kata hakim sambil menambah keputusan Mahkamah Rayuan dikekalkan.

Keputusan mahkamah semalam, berhubung rayuan pihak pendakwaan terhadap keputusan Mahkamah Rayuan yang menolak permohonannya untuk melucut hak wang dan hartanah bernilai lebih RM37 juta yang dimiliki responden iaitu Tiong, Law Ka Hing dan tujuh syarikat.

Syarikat itu ialah Kuala Dimensi Sdn Bhd (KDSB), Transshipment Megahub Berhad, Coas-



Tiong King Sing

tal Skyline Sdn Bhd, Wijaya Baru Aviation Sdn Bhd, Wijaya Baru Sdn Bhd, Wijaya Baru Construction Sdn Bhd dan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS).

Pada 23 November 2010, pendakwaan memohon kepada Mahkamah Tinggi untuk melucut hak wang dan aset responden mengikut Seksyen 56 (a) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 (AMLATFA).

Pada 4 November 2011, Mahkamah Tinggi menolak permohonan pendakwaan dan memerin-

tahkan wang serta aset terbabit diserahkan kepada responden.

Prosiding mahkamah semalam, dijalankan melalui aplikasi Zoom.

Dalam keputusannya, Hasnah berkata afidavit itu hanya menggambarkan jejak wang khususnya pergerakan wang daripada KDSB ke pelbagai akaun lain.

Katanya, dalam rayuan segera pihak pendakwaan gagal membuktikan kes itu berdasarkan imbang kebarangkalian untuk memastikan semua syarat penting seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 56 AMLATFA dibuktikan.

Peguam Datuk Prem Ramachandran mewakili Tiong, Law, KDSB, Transshipment Megahub, Coastal Skyline, Wijaya Baru Aviation, Wijaya Baru dan Wijaya Baru Construction, manakala peguam Shamsul Sulaiman bagi pihak PKNS.

Pendakwaan diwakili Timbalan Pendakwa Raya Faizah Mohd Salleh, Nahrá Dollah, Hanim Mohd Rashid dan Allan Suman Pillai.

BERNAMA



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
14 January 2021		
Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Jais sahkan siasat sajat
Muka Surat	:	2



Jais sahkan siasat Saajat

Ambil keterangan pegawai susulan dakwaan layanan tidak wajar

Oleh Nuramira Che Nah
 an@hmetro.com.my

Shah Alam

Bukan gimik seperti dakwaan netizen sebaliknya Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) mengesahkan usahawan kosmetik sensasi, Nur Saajat disiasat pihaknya mengikat Seksyen 30, Enakmen Jenayah Syariah Negeri Selangor.

Jais dalam kenyataannya semalam memaklumkan, siasatan terhadap Nur Saajat atau nama sebenarnya Muhammad Sajid Kamaruzzaman, 36, dibuat susulan terdapat beberapa aduan diterima berhubung perlakuannya pada 2018 dan tahun lalu.

Menurut jabatan itu, pihak-



NUR SAJAT rakaman video yang dihiburkan.

Pegawai penguat kuasa terbabit juga dipanggil untuk memberikan keterangan"

Kenyataan Jais

nya mengambil maklum berhubung video dituarkan usahawan berkenaan berkaitan insiden membabitkan dirinya dan beberapa penguat kuasa Jais.

"Sajat sudah membuat laporan polis berkaitan insiden itu.

"Pegawai penguat kuasa terbabit juga dipanggil untuk memberikan keterangan," katanya.

Terdahulu, sebuah portal melaporkan mengenai pendedahan Saajat berkaitan layanan tidak wajar penguat kuasa Jais terbelakunya dan dia turut dirahan di Pusat Tahapan Sementara (PTS) di Kuala Kubu Bharu pada 6 Januari lalu.

Sajat turut meluahkan rasa kesal dengan tindakan penguat kuasa berkenaan walaupun dia sudah tampil memberikan kerjasama untuk siasatan pihak Jais.

Sajat mendakwa pihak Jais seolah-olah menengahkan urusan surai jaminan dan turut menyebabkan kecederaan serta digari sehingga mengalami bengkak di bahagian badan kerana bergigit untuk mempertahankan diri.



SAJAT disiasat atas alasan diterima Jais pada 2018 dan tahun lalu.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 14 January 2021

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Merayau nak tengok sekatan jalan PDRM
Muka Surat	:	6

Klang: Keluar merayau tengah malam dengan alasan mahu melihat persediaan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilakukan anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Itu antara alasan remeh sebilangan pengguna jalan raya ketika ditahan untuk pemeriksaan dalam sekatan jalan raya (SJR) di Persiaran Kota, berhadapan bangunan Majlis Perbandaran Klang (MPK) di sini, awal pagi semalam.

Tinjauan wartawan di lokasi juga mendapati jumlah

Merayau nak tengok sekatan jalan PDRM



ANGGOTA PDRM bersama ATM membuat pemeriksaan SJR di Jalan Perstarian Kota, Klang, semalam.

kereta agak banyak, malah beberapa pengguna jalan raya ditahan untuk pemeriksaan kerana dinaiki lebih dari dua individu dalam satu kenderaan.

Ketua Polis Daerah Klang Selatan, Asisten Komisioner Shamsul Amar Ramli berkata, pihaknya berharap orang awam terus mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) PKP yang ditetapkan kerajaan.

"Sepanjang tempoh satu

jam pertama operasi di SJR ini, kami dapati masih ada sebilangan kecil masyarakat belum bersedia patuh kepada SOP ini. Ada beri alasan tidak tahu, ada bagi alasan keluar untuk meronda di tengah malam bagi melihat persediaan pihak PDRM.

"Setakat ini, boleh dikatakan kebanyakan kenderaan patuh kepada SOP," katanya.

Dalam pada itu katanya, pihak polis mengadakan li-

ma SJR di bawah pentadbiran Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Klang Selatan.

"Lima SJR ini didirikan di sempadan daerah untuk laluan keluar kawasan pentadbiran Klang Selatan termasuk di susur keluar MPK, Jalan Langat iaitu jalan keluar dari Klang Selatan ke Banting, Lebuhraya Klang Shah Alam (Kessas) iaitu laluan Klang ke Shah Alam.

"Manakala terdapat dua SJR di laluan Jalan Datuk Sidin dan Jalan Sungai Undang di Kampung Delek," katanya.



KERATAN AKHBAR

14 January 2021

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Penghadang batu besar elak rentas daerah
Muka Surat	:	7

Penghadang batu besar elak rentas daerah

Jelebu: Terpaksa letak penghadang batu besar. Itu tindakan diambil pihak berkuasa bagi mengelak orang ramai menyeberang sempadan melalui Jalan Kuala Klawang-Genting Peras di sempadan daerah Jelebu dan Hulu Langat, Selangor.

Kedua-dua laluan itu ditutup kepada semua kenderaan bermula tengah malam kelmarin susulan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Pengerusi Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Kampung Chenah, Rosmadi Arif berkata, penutupan jalan menggunakan penghadang batu itu sebagai usaha menghalang pergerakan rentas negeri oleh orang ramai.

Katanya, pihak Majlis Perbandaran Kajang turut meletakkan penghadang sama 50 meter dari penghadang diletakkan di sempadan Jelebu.

“Kami menyambut baik penutupan jalan ini sebagai langkah keselamatan memastikan tiada sebarang pergerakan merentas negeri dari dua negeri ini.

“Jalan itu adalah laluan utama dari daerah Hulu Langat ke Jelebu dan turut menjadi lokasi aktiviti mengayuh basikal, namun penutupan ini penting bagi faktor keselamatan,” katanya.

Sementara itu, 15 sekatan jalan raya (SJR) dilaksanakan Polis Melaka di negeri berkenaan susulan arahan PKP.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
14 January 2021		
Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Mawar tapak projek
Muka Surat	:	23

Oleh Mohd Khidir Zakaria
 am@hmetro.com.my

Rembau

Kecil-kecil cili api. Itu perumpamaan sesuai menggambarkan kegigihan wanita bertubuh kecil ini yang mampu bergelar kontraktor pembinaan yang dipelopori golongan lelaki.

Bukan sekadar menguruskan projek pembinaan malah Aina Mardiah Ferdaus, 32, turut turun padang dan membuat kerja-kerja berat biarpun mempunyai ramai pekerja lelaki.


Aina berkata, dia mula berminat dengan kerjaya ini sejak kanak-kanak lagi apabila sering mengikut arwah ayahnya, Ferdaus Adnan yang juga seorang kontraktor dan juga arkitek pembinaan.

"Arwah ayah sering membawa saya ke tapak projek sejak saya berusia sembilan tahun lagi. Sejak itu saya menanam azam mahu mengikut jejaknya sebagai kontraktor pembinaan.

"Saya kemudian menyambung pelajaran sehingga memperolehi Ijazah Kejuruteraan Awam di Universiti Selangor (Unisel). Ketika itu saya sudah berani mengambil projek mengubah suai rumah.

"Setiap kali cuti semester, saya mengambil peluang be-

AINA (kiri) berbincang dengan pembekal bahan binaan bagi memastikan kerja-kerja pembinaan berjalan lancar.



'Mawar' tapak projek

Aina tak kekok jadi kontraktor pembinaan dipelopori kaum lelaki

lajar selok belok bidang ini yang kebanyakannya dipelopori kaum lelaki," katanya ketika ditemui di tapak projek menyisipkan sebuah rumah di Rembau di sini.

Katanya, atas nasihat ayah, saya membuka sebuah syarikat pembinaan sendiri walaupun ketika itu masih

lagi bergelar penuntut di Unisel.

"Habis sahaja belajar, saya tidak menoleh ke belakang lagi dan terus mengurus sendiri walaupun ada cabaran seperti pernah ditipu sehingga ratusan ribu ringgit oleh rakan kongsi.

"Habis sahaja belajar, saya tidak menoleh ke belakang lagi"
 Aina Mardiah



AINA tidak kekok memanjat struktur binaan.

"Namun saya bangkit kembali dan mengambil rakan kongsi wanita muda, Norhanani Mohamed, 27, yang menguruskan kewangan syarikat serta pentadbiran. Manakala saya menumpukan tugas di lapangan," kata ibu kepada tiga cahaya mata ini.

Dia kini gembira kerana menerima banyak projek di beberapa negeri seperti di Johor, Melaka, Kuala Lumpur dan Negeri Sembilan.

"Saya perlu bergerak pantas bagi mengejar masa setiap projek yang mesti disiapkan dalam masa yang ditetapkan," kata Pengarah Urusan A&Z Cahaya Venture itu.

Tambahnya, syarikatnya tidak ada masalah beroperasi dalam keadaan pandemik Covid-19 melanda negara.

Rakan kongsinya, Norhanani berkata, dia gembira dapat bekerja bersama dengan Aina yang komited bertugas di lapangan atau di tapak projek.

"Saya banyak belajar darinya cara menguruskan syarikat. Ramai memandang rendah hanya kerana kami wanita dan berkecimpung dalam bidang yang dikuasai lelaki.

"Sesekali saya turun juga di tapak projek untuk melihat permasalahan dan cara menyelesaikannya," katanya.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
14 January 2021		
Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Johor tangguh, Selangor nikah online
Muka Surat	:	4

Permohonan baharu kebenaran kahwin, poligami ditangguhkan semasa PKP

Johor tangguh, Selangor nikah online

Oleh **MOHAMAD FAIZAL HASHIM**
 dan **ISKANDAR SHAH MOHAMED**

JOHOR BAHRU – Pasangan pengantin yang memperoleh kebenaran berkahwin sebelum Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) tetapi berada di luar daerah atau negeri perlu menangguhkan majlis akad nikah berkenaan.

Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar bertitah, bakal pasangan raja sehari itu perlu menjadualkan semula majlis pernikahan ke tarikh lain selepas tempoh PKP ditamatkan.

"Majlis akad nikah yang dibenarkan hanyalah di pejabat kadi daerah dan terhad kepada pаса-



SULTAN IBRAHIM

ngan pengantin dan wali dari daerah yang sama sahaja. Mereka ini telah memperoleh kebenaran

berkahwin sebelum tarikh PKP.

"Bagi pasangan pengantin yang memperoleh kebenaran berkahwin sebelum PKP tetapi berada di luar daerah atau negeri dari tempat majlis akad nikah iaitu pejabat kadi daerah, majlis akad nikah pasangan tersebut hendaklah ditangguhkan dan akan dijadualkan semula oleh pejabat kadi daerah.

"Lain-lain urusan yang dibenarkan seperti pendaftaran cerai dan rujuk, permohonan kad perakuan nikah dan pengambilan dokumen nikah, cerai dan rujuk di pejabat kadi daerah," titah baginda.

Sultan Ibrahim bertitah, bagi

permohonan baharu kebenaran nikah dan permohonan pendaftaran pendaftaran perkahwinan dan poligami adalah ditangguhkan dalam tempoh PKP.

Dalam perkembangan lain pelaksanaan solat Jumaat dan fardu berjemaah di semua masjid dan surau di Johor dengan had maksimum 12 jemaah sahaja. Sementara itu, **di Selangor**,

Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) menetapkan majlis akad nikah akan dilakukan secara sidang video sepanjang tempoh PKP sehingga 26 Januari ini.

Pengarah JAIS, Datuk Mohd. Shahzihan Ahmad bagaimanapun berkata, ia hanya akan ter-

takluk kepada pasangan yang telah mendapat kebenaran berkahwin dan janji temu tarikh akad nikah oleh Pejabat Agama Islam Daerah (PAID) atau Masjid Pengurusan.

"Pelaksanaan itu akan dilakukan oleh pendaftar yang akan berada di PAID, manakala pengantin, wali dan dua saksi berada di rumah.

"Pegawai Tadbir Agama setiap daerah akan menetapkan pelaksanaan majlis akan nikah berdasarkan janji temu yang sudah diatur," katanya di sini semalam.

Menurutnya, perkhidmatan melibatkan urusan nikah, cerai dan rujuk dibuat dalam talian.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR **14 January 2021**

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Kluster menteri, pemimpin masuk carta
Muka Surat	:	16

Kluster menteri, pemimpin masuk carta

SEORANG demi seorang menteri disahkan positif Covid-19, malah dilihat semakin ramai dalam kalangan pemimpin termasuk timbalan menteri dan ahli politik dijangkiti.

Datuk Seri Mustapa Mohamed atau lebih mesra dipanggil Tok Pa menjadi menteri pertama positif Covid-19 pada tahun ini.

Diikuti Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Rina Mohd Harun dan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Hamzah Zainuddin.

Semalam, Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Zahidi Zainul Abidin pula disahkan positif wabak itu.

Terdapat juga pemimpin politik disahkan dijangkiti Covid-19 sejak beberapa minggu lalu antaranya ADUN Nenggiri, Abdul Aziz Yusoff; ADUN Galas, Mohd Syahbuddin Hashim dan ADUN Parit Yaani, Aminolhuda Hassan.

Daripada mana diperolehi, kita tidak diberitahu dan tidak dapat dipastikan, tapi dalam kalangan mereka ada yang bergejala ada yang tidak.

Yang menjadi persoalan, sudah berapa banyak tempat mereka pergi dan berapa ramai orang mereka temui.

Sudah tiba masa pemimpin melakukan tugas betul-betul dengan norma baharu, malah mereka sepatutnya dilayan sama rata dengan rakyat dan tidak terkecuali untuk mengamalkan SOP.

Ini berikutan kita boleh melihat ramai pemimpin seolah-olah mendapat keistimewaan tertentu apabila masih lagi bebas ke sana ke sini menghadiri program itu ini.

Jika kita imbau, menteri yang pertama disahkan dijangkiti Covid-19 ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Seri Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri.

Beliau disahkan dijangkiti pada 5 Oktober tahun lalu dan sebelum itu menghadiri beberapa program termasuk berada di Sabah pda 24 September.

Selepas Pilihan Raya Negeri Sabah berakhir, ramai ahli politik daripada pelbagai parti dikesan wabak itu antaranya ADUN Dengkil, Adhif Syan Abdullah dan Timbalan Ketua Menteri Sabah, Datuk Dr Jeffrey Kitingan.

Oleh itu, gunakan PKP ini sebaik mungkin dengan menjaga diri dan keluarga kerana Covid-19 tidak pernah 'pilih bulu'.



KERATAN AKHBAR 14 January 2021

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	JAIS sahkan siasat sajat
Muka Surat	:	17

JAIS sahkan siasat Sajat

Susulan beberapa aduan yang diterima mengenai perlakuan Sajat pada tahun 2018 dan 2020

Oleh NUR FARHANA
ABDUL MANAN


SHAH ALAM

Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) mengesahkan pihaknya menjalankan siasatan terhadap jutawan kosmetik, Muhammad Sajad Kamaruzzaman atau Nur Sajat baru-baru ini.

Unit Korporat JAIS menerusi satu kenyataan memaklumkan, mereka juga mengambil maklum berhubung video ditularkan oleh Sajat yang dirakam ketika proses siasatan dilakukan.

Menurut kenyataan itu, video terbabit memaparkan insiden melibatkan Sajat dengan beberapa anggota penguat kuasa JAIS pada 6 Januari lalu.

“Sajat telah membuat laporan polis berkaitan insiden tersebut.



Video tular Sajat yang didakwa digari ketika ditahan pihak berkuasa.

“Pegawai penguat kuasa JAIS yang berkenaan juga telah dipanggil bagi memberikan keterangan mengenai laporan yang dibuat,” katanya.

Dalam pada itu JAIS memaklumkan, Sajat disiasat mengikut Seksyen 10 Enakmen Jenayah Syariah Negeri Selangor No 5 Tahun 1995.

“Ia berikutan tindakannya di Selangor dan beberapa aduan yang diterima mengenai perlakuan beliau (Sajat) pada tahun 2018 dan 2020,” menurut kenyataan itu lagi.

Terdahulu, Sajat menerusi Instagram miliknya mendakwa JAIS seolah-olah melengahkan urusan surat jaminan dan turut menyebabkan kecederaan kepadanya ketika proses siasatan dijalankan di Ibu Pejabat JAIS di sini.

Sajat mendakwa, beliau dilayan dengan buruk dan digari sehingga mengalami bengkak pada bahagian badan kerana bergelut untuk mempertahankan diri walaupun sudah tampil memberikan kerjasama untuk siasatan pihak JAIS.



KERATAN AKHBAR 14 January 2021

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Akad nikah di selangor guna kaedah sidang video
Muka Surat	:	18

Akad nikah di Selangor guna kaedah sidang video

SHAH ALAM - Majlis akad nikah di Selangor akan dilaksanakan secara sidang video sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula Rabu hingga 26 Januari depan.

Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Datuk Mohd Shahzihan Ahmad berkata, proses itu hanya dilaksanakan kepada pasangan yang telah mendapat kebenaran berkahwin dan temu janji tarikh akad nikah oleh Pejabat Agama Islam Daerah (PAID) atau di masjid pengurusan.

Menurutnya, pelaksanaan akad nikah secara sidang video akan dilakukan oleh pendaftar yang akan berada di PAID manakala pengantin, wali dan dua saksi berada di rumah.

“Pegawai tadbir agama (PTA) setiap daerah akan menetapkan pelaksanaan majlis akan nikah berdasarkan temu janji yang telah diatur,” katanya dalam satu kenyataan pada Rabu.



MOHD SHAHZIHAN

Dalam pada itu, Mohd Shahzihan berkata, perkhidmatan utama ditawarkan JAIS khususnya melibatkan urusan nikah, cerai dan rujuk hanya dijalankan secara dalam talian sepanjang tempoh PKP.

Menurutnya, sebanyak 10 kaunter talian telefon dibuka di One Stop Centre di Aras Bawah Bangunan Sultan Idris Shah di sini

untuk konsultasi perkhidmatan dan urusan temu janji.

“Pelanggan boleh menghubungi talian **03-5514 3600** atau **03-5514 3400** sepanjang waktu pejabat dibuka (Isnin hingga Jumaat).

“Sebarang pertanyaan mengenai perkhidmatan juga boleh die-melkan ke info@jais.gov.my.

Hotline penguatkuasaan pula dibuka bermula jam 8 pagi hingga 12 tengah malam,” katanya

Untuk rekod, akad nikah di Selangor secara dalam talian diperkenalkan dalam tempoh PKP pada 20 April tahun lalu.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 14 January 2021

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	MSU terus jalin kerjasama dengan JPS
Muka Surat	:	18

MSU terus jalin kerjasama dengan JPS

SHAH ALAM - Jalinan kerjasama antara Management and Science University (MSU) dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) yang dimekakan menerusi perjanjian persefahaman (MoU) pada Ogos tahun lalu diteruskan menerusi pelancaran program MSU Sungai Damansara National River Trail Project baru-baru ini.

Menurut satu kenyataan, MSU berkata, program itu merupakan projek pilot dalam menjalankan aktiviti-aktiviti pembangunan alam sekitar yang dirancang sepanjang denai Sungai Damansara.

Katanya, sebagai permulaan, sebanyak 15 projek pembangunan bakal dilaksanakan dalam tempoh setahun meliputi laluan jogging, laluan rekreasi masyarakat, projek keusahawanan

dan tanaman tumbuhan perubatan serta pelbagai lagi.

“Program ini melibatkan penyertaan pelbagai komuniti termasuk pensyarah, pelajar dan masyarakat setempat,” katanya dalam satu kenyataan pada Rabu.

Hadir sama sewaktu pelancaran program berkenaan ialah Ketua Setiausaha Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA), Datuk Seri Dr Zaini Ujang dan Presiden MSU, Profesor Tan Sri Datuk Wira Dr Mohd Shukri Ab Yajid serta beberapa tetamu kehormat lain.

Menerusi pelancaran program itu, seramai kira-kira 300 sukarelawan terdiri daripada kakitangan MSU, KASA, JPS, pelajar dan alumni turut serta dalam aktiviti gotong-royong pembersihan Sungai Damansara.



Sukarelawan merakamkan gambar bersama tetamu kehormat yang hadir sewaktu pelancaran program MSU Sungai Damansara National River Trail Project baru-baru ini.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
13 January 2021

Akhbar	:	Selangor TV
Tajuk Berita	:	EXCO Seru Sambut Ponggal Bersama Keluarga Sahaja
Muka Surat	:	-



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
13 January 2021

Akhbar	:	Selangor TV
Tajuk Berita	:	Selangor Tangguh Pelaksanaan Solat Jemaah Di Masjid dan Surau
Muka Surat	:	-



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
13 January 2021

Akhbar	:	Selangor TV
Tajuk Berita	:	Semua Perkhidmatan MPAJ Tutup Sementara
Muka Surat	:	-



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
13 January 2021

Akhbar	:	Selangor TV
Tajuk Berita	:	Solat Jumaat, Fardu Ditangguhkan
Muka Surat	:	-



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
13 January 2021

Akhbar	:	Selangor TV
Tajuk Berita	:	Urusan Nikah, Cerai & Rujuk, JAIS Buka 10 Kaunter Talian
Muka Surat	:	-



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
